



OCBC sedia saluran khas moratorium tanpa faedah

KUALA LUMPUR: OCBC Malaysia akan memperkenalkan satu saluran khas bagi pelanggan B50 untuk mendaftar moratorium tanpa faedah bermula 15 November ini.

OCBC Malaysia, seperti bank-bank lain, akan bekerjasama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk menawarkan satu skim baharu yang dinamakan Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS) kepada pelanggan individu, katanya dalam satu kenyataan.

Ia menjelaskan, sokongan yang diberikan oleh URUS akan memberikan ruang kepada pelanggan individu mengembalikan kekuatan kewangan masing-masing dan skim itu bakal menyaksikan bank memperuntukkan kira-kira RM1 bilion untuk membiayai kos mengurangkan faedah/keuntungan termasuk pelepasan faedah/keuntungan untuk pelanggan B50 yang terkesan.

Pelanggan individu yang memenuhi kriteria boleh memohon URUS menerusi saluran khas OCBC Bank dari 15 November 2021 sehingga 31 Januari 2022 dan bank akan memaklumkan pelanggan mengenai proses permohonan lebih hampir dengan tarikh berkenaan.

AKPK akan membantu memantau rancangan kewangan sepanjang program dan menilai semula rancangan itu dengan bank apabila keadaan pelanggan bertambah baik dan perkhidmatan itu disediakan secara percuma kepada pelanggan.

Ketua Pegawai Eksekutif OCBC Bank (Malaysia) Bhd, Datuk Ong Eng Bin, berkata kemudahan bantuan terkini itu bertujuan membantu mereka yang memerlukan bantuan tambahan mengharungi cabaran terakhir sambil ekonomi dibuka secara beransur-ansur.

"Seperti sebelum ini, kami menyeru pelanggan supaya kekal positif. Ekonomi sedang dibuka secara beransur-ansur dan kini terdapat peluang baharu untuk memulihkan perniagaan.

"Kami berharap bantuan yang diberikan kepada pelanggan individu B50 akan menyokong mereka mengatasi cabaran dan menuju garisan penamat sambil kita kembali kepada kehidupan lebih normal selepas pandemik," katanya.

OCBC Bank mencatatkan kadar kelulusan 100 peratus untuk individu, perusahaan mikro dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang layak, sejak langkah memperkenalkan pakej moratorium PEMULIH pada 7 Julai lalu.

Memandangkan permohonan pendaftaran bagi pakej PEMULIH berkurangan dengan ketara kebelakangan ini, Eng Bin menegaskan bahawa OCBC Bank tetap komited untuk menawarkan bantuan pemulihan kepada pelanggan layak yang masih belum mendaftar.

"Kami bersyukur untuk melihat semakin kurang pelanggan memohon bantuan pemulihan, yang kami anggap sebagai tanda mereka dapat menggunakan sumber yang sedia ada buat masa ini.

"Bagaimanapun, saya masih ingin menekankan bahawa OCBC Bank terus bertekad membantu mereka yang masih memerlukan bantuan lanjut.

"Walaupun negara kini semakin pulih dengan perniagaan dan ekonomi yang dibuka secara beransur-ansur, masih ada lagi pelanggan yang memerlukan bantuan," katanya.

Skim URUS terbuka kepada pelanggan individu di bawah program bantuan bayaran sedia ada seperti Bantuan Pembayaran Balik Bersasar, PEMERKASA Plus, PEMULIH, rancangan penjadualan semula dan penyusunan semula bank dan selainnya pada 30 September 2021.

Ia terbuka kepada pelanggan yang memenuhi kriteria tergolong dalam segmen pendapatan B50, iaitu pendapatan isi rumah RM5,880 atau lebih rendah, mengikut definisi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Bukti pendapatan isi rumah diperlukan bagi pelanggan bukan penerima berdaftar Bantuan Sara Hidup (BSH) atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR).

Kriteria selanjutnya ialah pernah mengalami sama ada kehilangan pekerjaan; atau pengurangan pendapatan sekurang-kurangnya 50 peratus dan pinjaman/pembiayaan mereka masih berbayar (tidak tertunggak melebihi 90 hari) pada tarikh permohonan.

<https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/10/877329/ocbc-sedia-saluran-khas-moratorium-tanpa-faedah>